

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SETIAWANGSA)**

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini pembinaan Littoral Combatant Ship dan berapa jumlah yang telah dibelanjakan setakat 30 Julai 2021 untuk projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 Julai 2021, kemajuan kerja bagi Perolehan enam (6) buah Kapal *Second Generation Patrol Vessel* berkeupayaan *Littoral Combat Ship* (LCS) adalah sebanyak 57.05%.

Berhubung dengan status bayaran bagi kontrak perolehan ini, Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM6.16 bilion (67.33%) berbanding daripada nilai kos keseluruhan kontrak yang berjumlah RM9.15 bilion. Kementerian sejak tahun 2019 juga telah mengesahkan dalam Parlimen bahawa perolehan tersebut tidak akan dihentikan dan akan diteruskan. Keputusan Kementerian Pertahanan kekal konsisten hingga kini.

Kementerian juga memberi penelitian khusus demi memastikan pembinaan LCS ini mampu disiapkan untuk mengukuhkan lagi sistem pertahanan negara kita. Sehubungan itu, Jawatankuasa Teknikal LCS telah ditubuhkan pada 2 Julai 2021 bagi melihat semula perancangan perolehan dan mengemukakan Pelan Pemulihan bagi perolehan ini sebelum diangkat semula ke Jemaah Menteri. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN
[JULAU]**

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:-

(a) apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian untuk menarik lebih banyak pelaburan negara asing ke dalam negara Malaysia; dan

(b) nyatakan dengan lebih jelas apakah jenis sektor atau industri baharu yang dilihat berpotensi untuk menarik peluang pelaburan yang lebih kukuh daripada pelabur luar.

JAWAPAN

a. **Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian untuk menarik lebih banyak pelaburan negara asing ke dalam negara Malaysia.**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mempertingkatkan usaha-usaha dalam menarik pelaburan asing yang berkualiti dan berteknologi serta berinovasi tinggi ke dalam negara.

SOALAN NO : 54

Hasilnya, bagi tempoh Januari hingga Jun 2021, pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama telah melonjak sebanyak 69.8% kepada RM107.5 bilion, berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu (RM63.3 bilion). Pelaburan yang diluluskan pada tempoh ini membabitkan 2,110 projek dan akan mewujudkan 44,994 peluang pekerjaan untuk negara.

Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, pelaburan langsung asing (*foreign direct investment* - FDI) menyumbang sebanyak RM62.5 bilion, sementara pelaburan langsung domestik (*direct domestic investment* - DDI) menyumbang sebanyak RM45.0 bilion. Jumlah pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan menyaksikan lonjakan sebanyak 214.9% kepada RM62.5 bilion berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu (RM19.8 bilion).

Negara-negara penyumbang terbesar FDI adalah dari Singapura (RM43.5 bilion), Republik Korea (RM6.3 bilion), Belanda (RM5.1 bilion), Kepulauan British Virgin (RM3.0 bilion) dan Jepun (RM0.6 bilion). Di antara projek berkualiti dan berteknologi tinggi yang diluluskan adalah syarikat Risen Energy daripada China dengan jumlah pelaburan sebanyak RM42.2 bilion bagi tempoh 15 tahun untuk mengeluarkan produk solar berteknologi *bi-facial* yang akan membuka 3,496 peluang pekerjaan dan memberi peluang syarikat-syarikat tempatan untuk menjadi sebahagian daripada rantai bekalan global.

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia terus mempamerkan pencapaian yang memberangsangkan dalam usaha menarik pelaburan. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), sebuah agensi di bawah MITI, telah mengenalpasti sejumlah 325 projek berprofil tinggi yang sedang dalam rundingan yang melibatkan pelaburan berjumlah RM97.4 bilion dan dijangka dapat dimuktamadkan pada tahun ini.

Ini termasuk syarikat AT&S AG yang berpangkalan di Austria yang mempunyai potensi untuk melabur sebanyak RM8.5 bilion di Malaysia bagi pengeluaran *integrated circuits* (IC) *substrates*. Teknologi IC *substrates* yang akan dibawa masuk adalah yang terkini bagi

SOALAN NO : 54

pembangunan aplikasi teknologi 5G dan dijangka akan mewujudkan sekurang-kurangnya 5,000 peluang pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi, di mana hampir 1,500 adalah dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan, termasuk bidang kejuruteraan.

Pelaburan ini dijangkakan akan memperkukuh dan memantapkan ekosistem semikonduktor negara dan membuka peluang bagi syarikat-syarikat vendor tempatan terutamanya dalam bidang *advance electronics* untuk turut serta. Malah, AT&S telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan MIDA bagi menjalinkan kerjasama dengan universiti dan institusi pengajian tempatan dalam menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan kerjasama pendidikan yang melibatkan pemindahan teknologi dan pengetahuan kepada rakyat Malaysia.

Selain daripada itu, syarikat gergasi teknologi antarabangsa Microsoft Corp. akan melabur sebanyak RM4 bilion yang meliputi penubuhan pusat data serantau pertama Malaysia bagi menguruskan data daripada pelbagai negara. Pelaburan strategik ini dilihat akan memperkasakan Ekonomi Digital Malaysia, sekaligus menjana lebih 19,000 peluang pekerjaan ke arah menjadikan Malaysia sebagai hab pusat data di rantau Asia Tenggara.

Malah, di sebalik landskap ekonomi global yang mencabar ketika ini, Porsche telah memberi kepercayaan kepada Malaysia menjadi pintu masuk utamanya ke pasaran ASEAN, sekaligus menjadikan Kedah sebagai lokasi kilang pemasangan pertamanya luar Eropah setelah lebih dari 70 tahun. Ini membuktikan Malaysia mempunyai ekosistem automotif yang mampan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang kompetitif dan dinamik. Selain daripada pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara secara berperingkat, Kerajaan melalui MITI, MIDA dan MATRADE turut menjalankan usaha-usaha strategik berikut:

SOALAN NO : 54

- i. Memperkenalkan Dasar Pelaburan Baharu Negara Berteraskan Aspirasi Pelaburan Negara (*National Investment Aspirations-NIA*) yang merupakan pendekatan berfokus dan bersasar dalam merencanakan agenda pelaburan nasional Negara secara holistik dan inklusif untuk kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi negara;
- ii. Mempergiatkan misi-misi perdagangan dan pelaburan ke Republik Korea, Jepun, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar, Republik Austria dan Republik Turki pada tahun ini, di mana MITI bersama MIDA dan MATRADE telah berjaya mendapatkan komitmen pelaburan yang tinggi iaitu sebanyak RM35.97 bilion dan berpotensi menjana lebih daripada 28,000 peluang pekerjaan. Ini termasuk potensi pelaburan daripada pengeluar automotif dunia dengan fasiliti di 30 negara iaitu Stellantis N.V.; pengeluar *sensor solutions* AMS AG-OSRAM bagi pengeluaran *wafer fabrication of 8nm microLED chips* dengan potensi pelaburan sebanyak RM7.96 bilion; dan syarikat global ternama, Turkish Technic dalam bidang Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baikpulih (MRO) yang akan bekerjasama dengan Sapura Technics di Lapangan Terbang Sultan Ismail di Senai, Johor; dan syarikat Turkish Airlines yang berminat untuk meneroka peluang dalam perkhidmatan Kargo Udara (*Air Cargo*) dengan menjadikan Malaysia sebagai hab syarikat berkenaan di rantau ASEAN;
- iii. Mengoptimumkan fasilitasi daripada penubuhan *Project Acceleration and Coordination Unit* (PACU) di MIDA dalam membantu mempercepatkan kelulusan dari pelbagai agensi dan pelaksanaan projek pelaburan di pelbagai peringkat supaya projek-projek dapat dilaksanakan dalam tempoh 12 bulan dengan dipantau menggunakan teknologi digital melalui sistem *Implementation Tracking and Monitoring System* (ITMS).
- iv. Bagi tahun 2020, daripada 1,049 projek yang diluluskan oleh Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan, sebanyak 439 projek (41.85%) telah memulakan operasi dalam tempoh 12 bulan. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 pula, 41 projek daripada 368 jumlah keseluruhan projek telah dilaksanakan (11.14%), manakala

selebihnya adalah masih dalam fasa pembinaan dan pemasangan mesin dan peralatan. Dalam hal ini, MIDA akan sentiasa memantau perkembangan ini sehingga projek-projek yang diluluskan dapat dilaksanakan seperti yang ditetapkan.

- v. Menggerakkan sepenuhnya Pusat Sehenti (*One Stop Centre - OSC*) di MIDA bagi menilai permohonan pelawat perniagaan yang layak untuk memasuki Malaysia bagi tujuan perdagangan dan pelaburan dengan wakil dari Jabatan Imigresen, Kementerian Kesihatan dan MITI. Pelawat perniagaan ini termasuk ahli perniagaan dan pakar teknikal yang menyediakan khidmat nasihat teknikal dan pemasangan mesin dan peralatan. Semenjak OSC ditubuhkan pada 2 Oktober 2020 sehingga 25 Ogos 2021, OSC telah meluluskan seramai 1,478 pelawat perniagaan yang layak untuk memasuki Malaysia bagi melancarkan aktiviti perdagangan dan pelaburan.
- vi. Memanfaatkan Perjanjian Perdagangan Bebas sedia ada bagi menjana pelaburan melalui peruntukan pelaburan termasuk Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang akan menggalakkan pembangunan pelaburan intra-ASEAN;
- vii. Menganjurkan webinar dengan kolaborasi bersama dewan perniagaan, bank dan komuniti perniagaan antarabangsa seperti American-Malaysian Chamber of Commerce (AMCHAM), Malaysian-French Chamber of Commerce and Industry (MFCCI), EU-Malaysia Chamber of Commerce and Industry (EUROCHAM), China Enterprises Chamber of Commerce in Malaysia (CECCM), Deloitte, KPMG, HSBC, Standard Chartered dan UOB Bank;
- viii. Menandatangani perjanjian persefahaman dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti dewan perniagaan antarabangsa, institusi kewangan, agensi promosi pelaburan, syarikat multinasional, dan pemaju tanah untuk menarik pelaburan berkualiti ke negara ini;
- ix. Mengadakan E-Misi Pelaburan Khusus (*E-Specific Project Mission*) yang dijalankan oleh bahagian industri di MIDA bersama pelabur berpotensi di luar dan dalam negara secara *virtual* dalam menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia; dan

- x. Menjalankan *media blitz* bagi mempromosikan Malaysia melalui media antarabangsa termasuk *Bloomberg* dan *The Economist*.
- b. **Nyatakan dengan lebih jelas apakah jenis sektor atau industri baharu yang dilihat berpotensi untuk menarik peluang pelaburan yang lebih kukuh daripada pelabur luar.**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan sesi konsultasi berterusan yang telah dilaksanakan oleh MITI dengan pihak-pihak berkaitan seperti dewan perniagaan dan komuniti perniagaan antarabangsa termasuk rujukan daripada laporan-laporan daripada pejabat agensi-agensi MITI di luar negara, sektor-sektor berpotensi yang dikenalpasti dalam menarik lebih banyak pelaburan ke dalam Malaysia adalah termasuk:

- i. sektor-sektor terpilih dalam pembuatan dan perkhidmatan termasuk bahan kimia; elektrik dan elektronik (E&E); mesin dan peralatan; aeroangkasa; peranti perubatan; hab utama (*principal hub*); logistik; e-dagang; teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui; pelancongan digital; teknologi kewangan (*fintech*); kilang berteknologi pintar; pusat ujian klinikal dan pembelajaran dalam talian; dan
- ii. menggalakkan penggantian import dengan produk Malaysia terutamanya dalam industri E&E.

Selain daripada itu, MITI turut menggalakkan penempatan semula syarikat yang terkesan akibat konflik perdagangan antarabangsa ke Malaysia, dengan menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran serantau (*regional production hub*) alternatif bagi mengelakkan tarif tambahan yang dikenakan oleh Amerika Syarikat ke atas produk yang diimport dari China.

Malah, lanjutan daripada Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025) yang akan dibentangkan di Dewan Negara pada 12-18 Oktober 2021 kelak, sektor pembuatan telah dikenalpasti sebagai sektor utama dalam memacu pertumbuhan ekonomi

negara. Seiring dengan kemajuan teknologi dan revolusi Industri 4.0, Kerajaan berhasrat untuk menjadikan sektor pembuatan di Malaysia sebagai sektor yang mampu menghasilkan dan membangunkan produk-produk berteknologi dan bernilai tinggi dan kompleks bagi memenuhi pasaran dan permintaan industri global, termasuk sub-sektor pemangkin iaitu E&E; kimia dan keluaran kimia; mesin dan peralatan; aeroangkasa dan peranti perubatan dalam menghasilkan produk-produk berteknologi tinggi, kompleks dan nilai tambah yang tinggi serta peneraju dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), *sustainable manufacturing practices* dan pematuhan standard global.

Dalam sektor digital pula, Malaysia telah menyaksikan pertumbuhan ekonomi digital berkembang pesat berikutan pandemik COVID-19 semenjak tahun 2020. Dalam hal ini, Pejabat Pelaburan Digital (*Digital Investment Office- DIO*) telah ditubuhkan bersama-sama MIDA dan MDEC pada 23 April 2021, sejajar dengan aspirasi Rangka Tindakan MyDIGITAL bagi menarik pelaburan bernilai RM70 bilion dalam sektor digital pada tahun 2025

DIO merupakan platform kolaborasi digital sepenuhnya di antara MIDA dan MDEC untuk menyelaras dan memantau pelaburan digital dengan melibatkan semua agensi promosi pelaburan bagi menarik peluang-peluang pelaburan baharu dalam segmen ini. Para pelabur akan diberikan fasilitasi oleh DIO termasuk khidmat nasihat dalam pemilihan lokasi pelaburan terbaik dan menawarkan insentif-insentif pelaburan yang bersesuaian.

Secara kesimpulannya, Kerajaan akan sentiasa memastikan kepentingan negara dan rakyat diutamakan melalui pelbagai inisiatif yang strategik dan bertepatan dengan keperluan semasa, terutamanya di kala Malaysia masih berhadapan dengan pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG minta **PERDANA MENTERI** menyatakan impak kemelesetan ekonomi ke atas pekerjaan, SMEs, industri pelancongan, hospitaliti dan runcit dan mengapa moratorium pinjaman bank tidak boleh dilanjutkan tanpa faedah sehingga akhir tahun.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pandemik COVID-19 telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2020. Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) telah menguncup sebanyak -5.6% (2019: 4.4%) berikutan pelaksanaan langkah perintah kawalan pergerakan (PKP) bagi membendung penyebaran pandemik tersebut. Dari sudut pengeluaran, semua sektor ekonomi telah mencatat penguncupan disebabkan oleh pelaksanaan sekatan terhadap sebahagian aktiviti ekonomi serta gangguan bekalan rangkaian global.

2. Sektor perkhidmatan merupakan sektor terbesar yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara telah terjejas

dengan ketara. Sumbangan sektor ini kepada KDNK adalah sebanyak 57.7% pada tahun 2020. Pertumbuhan sektor perkhidmatan menguncup -5.5% (2019: 6.2%) akibat pandemik yang mempengaruhi industri berorientasikan pengguna domestik. Di samping itu, sentimen pengguna yang lemah serta penutupan sempadan antarabangsa dan sekatan pergerakan yang mengganggu aktiviti pelancongan telah menyebabkan perbelanjaan dan aktiviti perniagaan lebih rendah.

3. Industri pelancongan merupakan antara industri yang paling terjejas teruk. Jumlah ketibaan pelancong mengalami penurunan drastik, iaitu 4.3 juta pelancong pada tahun 2020 (2019: 26.1 juta pelancong) dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM12.7 bilion (2019: RM86.1 bilion). Sektor ini dianggarkan mengalami kerugian sekitar RM135 bilion pada tahun 2020. Selain itu, berdasarkan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, hasil bagi segmen perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan menguncup -7.1% kepada RM1,311 bilion berbanding RM1,412 bilion pada tahun 2019.

4. Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) juga turut terjejas. Sumbangan PMKS kepada KDNK tahun 2020 mengecil kepada 38.2% dengan nilai ditambah sebanyak RM512.8 bilion berbanding 38.9% (RM553.5 bilion) pada tahun 2019. Dianggarkan sebanyak 37,415 atau 3.19% perniagaan telah ditutup yang mana 76.8% daripadanya adalah PMKS. Bagi memulih semula perniagaan, PMKS digalakkan untuk melaksanakan pendigitalan terutama dalam memasarkan produk mereka. Ini akan membantu kelangsungan perniagaan PMKS dalam menghadapi normal baharu pasca COVID-19.

5. Sejak tahun 1992, ekonomi Malaysia sentiasa mencapai tahap guna tenaga penuh. Namun begitu, pandemik COVID-19 telah menyebabkan kadar pengangguran negara meningkat kepada 4.5% (2019: 3.3%). Pada bulan Julai 2021, kadar pengangguran adalah 4.8%, iaitu lebih rendah berbanding dengan kadar tertinggi 5.3% pada bulan Mei tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kerajaan masih membincangkan perkara ini dengan institusi perbankan kerana ia melibatkan keputusan komersial di antara pihak bank, lembaga pengarah dan pemegang saham masing-masing. Kerajaan akan mengusahakan suatu rumusan yang boleh dilaksanakan (workable). Kerajaan juga memahami masalah yang dihadapi oleh rakyat dan akan mempertimbangkan pelbagai cadangan yang dikemukakan.

7. Namun begitu, penting untuk ditekankan bahawa sebarang bentuk bantuan yang diberikan Kerajaan haruslah berhemah, setara(proportionate) dan mengambil kira kesan jangka masa panjang terhadap peminjam, pendeposit, pelabur, institusi kewangan dan ekonomi negara.

8. Sejumlah lapan pakej bantuan dan rangsangan ekonomi yang bermula pada 27 Mac 2020 telah berjaya menstabilkan ekonomi negara. KDNK kembali berkembang sebanyak 16.1% pada suku kedua tahun 2021 setelah menguncup pada suku keempat tahun 2020. Unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2021 dijangka berkembang di antara 3% hingga 4%, iaitu selari dengan jangkaan oleh Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Ekonomi dijangka akan pulih sepenuhnya dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan disasarkan berkembang pada kadar purata 4.5% hingga 5.5% setahun dalam tempoh 2021-2025.

Sekian, terima kasih.